

## **“ISLAMIC CARE” APLIKASI PENGURUSAN PERUBATAN DARI PERSPEKTIF ISLAM SECARA REALITI MAYA**

WAN AISYAH BINTI WAN TARMIZI

DR. FADHILAH ROSDI

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Perubatan dalam islam dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran, doa-doa dan hadis sahih adalah cara merawat penyakit mental dan fizikal berasaskan wahyu ilahi yang diturunkan oleh Allah SWT kepada hambanya. As-Sunnah yang juga dikenali sebagai Pengubatan Nabi Muhammad SAW dan merupakan satu cabang alternatif yang patut umat islam amalkan dalam kehidupan seharian bagi mengekalkan kesihatan yang dijamin dan diredhai oleh Allah SWT. “Islamic Care” merupakan satu sistem aplikasi realiti maya yang bertujuan untuk membantu masyarakat khususnya yang beragama islam bagi menarik minat tentang kepentingan rawatan islam. Sistem ini juga dapat menambah ilmu pengetahuan pengguna aplikasi mengenai kelebihan-kelebihan amalan ayat-ayat Al-Quran bahkan dapat pahala dan merapatkan diri kepada Allah SWT. Akan tetapi, masalah bagi penggunaan perubatan dari perspektif islam tidak terkenal atau tidak terdedah kepada masyarakat moden pada zaman kini terutama dalam golongan orang muda. Hal yang demikian adalah kerana kekurangan pembelajaran tentang agama islam yang tidak diterapkan oleh masyarakat zaman

sekarang. Penyelesaian yang dicadang untuk mengatasi masalah yang dinyatakan adalah dengan memebahkan dan mempromosikan tentang aplikasi realiti maya ini kepada masyarakat umum

terutama kepada guru-guru di sekolah atau pensyarah universiti supaya mereka dapat mendedahkan aplikasi realiti maya ini kepada para pelajar bahkan kepada anak-anak mereka sendiri. Penggunaan kemajuan dalam grafik komputer dan teknologi realiti maya pada kebelakangan ini dekad telah membuat penglihatan generasi kini menjadi luas dan nyata, Hal ini kerana ia adalah satu teknologi yang mampu membantu seseorang dalam kehidupan yang nyata secara langsung atau tidak langsung dengan memasukkan objek maya dalam bentuk 3D ke dalam persekitaran nyata. Secara langsung aplikasi ini juga mempunyai pelbagai ciri dan fungsi yang menarik dan berguna yang mampu menarik minat pengguna dengan adanya aplikasi ini. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan jumlah kajian terhadap aplikasi realiti maya setiap tahun. Diharapkan dengan adanya sistem aplikasi realiti maya ini, ia dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada masyarakat serta memberi pendedahan bahkan membuka minda terutama kepada golongan muda tentang kepentingan rawatan Islam.

## **PENGENALAN**


Perubatan secara alternatif berasaskan Islam adalah merujuk kepada pendekatan rawatan selain rawatan melalui institusi rawatan moden seperti ubat-ubatan dari hospital, rawatan hospital atau klinik yang menggunakan alatan canggih dan pusat perubatan. Menurut Azizan Baharuddin (1993), perubatan Islam merupakan suatu bentuk sistem perubatan yang telah dikonsepskan serta dibina oleh orang-orang Islam dari berbagai bangsa dan kumpulan etnik dari permulaan zaman Islam hinggalah di zaman era globalisasi ini yang dirujuk dan ditafsirkan daripada ayat suci Al-

Quran dan hadis-hadis yang sah. Hal yang sama dapat dikemukakan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyah bahawa membaca Al-Quran itu dapat mengubati penyakit jasmani dan rohani seseorang.

Aplikasi realiti maya ini tertumpu kepada pelbagai penyakit terutama ayat-ayat untuk mengatasi masalah mental dalam golongan masyarakat terutamanya kepada golongan pelajar. Jika di fokuskan terhadap para pelajar di universiti, ia juga cenderung kepada masalah mental akibat perubahan psikososial dan tekanan akademik. Banyak kes jenayah seperti pelajar bunuh diri, gantung diri di bilik akibat mengalami stres dan kemurungan yang kronik. Melihat kepada statistik tahunan, hasil kajian mendapati kes-kes yang melibatkan cubaan membunuh diri atau mangsa yang telah meninggal dunia mencatatkan peningkatan sebanyak 20 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019. Tambahan, peratusan menunjukkan bahawa 55 ke 60 peratus adalah lelaki manakala selebihnya lebih kurang 40 ke 45 peratus merupakan dari kalangan wanita dalam lingkaran pecahan umur daripada 19 hingga 30 tahun.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pendekatan model air terjun ini akan digunakan dalam pembangunan Sistem Pengurusan Perubahan dari Perspektif Islam. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai kebolegunaan aplikasi mudah alih ini. Kajian ini juga merangkumi analisis keperluan, merangka reka bentuk model, pembangunan aplikasi, pengujian kebolegunaan dan hasil. Metodologi menerangkan kaedah bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti serta menerangkan proses kajian yang dilakukan.



Rajah 1.1 Metodologi Air Terjun

Kajian ini menggunakan metodologi air terjun sebagai panduan dalam menghasilkan aplikasi realiti maya ini supaya mengikut turutan dan tidak tersasar ke jalan lain. Metodologi air terjun ini mempunyai beberapa fasa iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi dan fasa pengujian. Menurut model air terjun, pengembangan perisian mesti diselesaikan sebagai satu projek dan kemudian dibahagikan ke dalam fasa yang berbeza.

### **Fasa analisis**

Fasa analisis merupakan fasa yang penting untuk memulakan pembangunan aplikasi atau sesebuah projek. Sebagaimana yang kita lihat, beberapa aplikasi sedia ada yang berasaskan islam seperti aplikasi *Muslim Pro*, *Muslim Pocket*, dan *Daily Muslim* akan dikaji serta dibandingkan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi menghasilkan aplikasi ini. Hal yang demikian adalah untuk mengumpul maklumat dan memudahkan proses analisis maklumat yang telah dikumpul. Aplikasi ini memfokuskan kepada golongan kanak-kanak, remaja dan orang tua yang beragama islam. Bagi data yang dikumpul, pengguna akan menjawab soal selidik mengenai persepsi mereka terhadap aplikasi perubatan dari perspektif islam.

**Fasa reka bentuk**

Peringkat di fasa reka bentuk adalah salah satu tindakan yang memenuhi keperluan dokumen dalam pembangunan sistem aplikasi ini. Perkara yang perlu dilakukan dalam fasa reka bentuk ini adalah proses tentang cara membina dan mengukuhkan fungsi dan keperluan sistem. Rajah kes penggunaan bagi memberi maklumat kepada jurutera perisian dalam memastikan pembangunan sistem menepati kesemua spesifikasi keperluan perisian.

**Fasa pelaksanaan**

Fasa ini merupakan yang paling lama kerana melibatkan kerja-kerja berat seperti pengaturcaraan permainan dan lain-lain. Dalam fasa ini, semua keperluan yang dikumpulkan semasa fasa analisis akan dibangunkan dan dilaksanakan. Keperluan ini akan digabungkan untuk membentuk sebuah permainan yang komprehensif. Melalui fasa ini, kelemahan permainan juga dapat dikenalpasti setelah pelaksanaan berjaya dilakukan.

**Fasa pengujian**

Fasa pengujian merupakan penentu keyakinan bahawa sistem yang telah dibangunkan telah memenuhi keperluan dan kehendak pengguna yang ditetapkan. Dalam fasa ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa fungsi sistem yang dibangunkan berada dalam keadaan yang sedia dan stabil untuk digunakan. Jika terdapat kesilapan yang ditemui, perkara ini perlu ditambahbaik, diperbaiki dan diuji semula sehingga sistem tiada ralat.

Data yang diperoleh daripada penilaian kebolegunaan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif, dengan mengambil skor min bagi setiap aspek. Jadual 1 menyajikan Tafsiran Skala Skor Min.


Jadual 1 Tafsiran Skala Skor Min

<b>Skor Min</b>	<b>Tafsiran</b>
1.00 – 2.32	Rendah
2.33 – 3.65	Sederhana
3.66 – 5.00	Tinggi

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**


Aplikasi Pengurusan Perubatan dari Perspektif Islam telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Semasa proses pembangunan, aplikasi ini dibangunkan menggunakan platform pengaturcaraan Visual Studio Code. Unity digunakan untuk mencipta dan menganimasikan semua sprite dalam sistem aplikasi Islamic Care. Pangkalan data yang digunakan ialah pangkalan data awan Firebase Firestore untuk memastikan aplikasi boleh diteruskan pada setiap komputer.

Apabila memasuki aplikasi, pengguna akan disambut dengan skrin Log Masuk. Paparan Log masuk mempunyai beberapa elemen seperti mengisi ruang email dan kata laluan, Bahkan juga mempunyai butang Login untuk ke halaman utama aplikasi dan butang “Create New Account” bagi pengguna mendaftar akaun Baharu.



Rajah 1 Antara Muka Log Masuk

Jika pengguna tidak mempunyai akaun aplikasi, pengguna perlu menekan butang “Create New Account” di halaman Login untuk mendaftar. Di halaman Sign Up, pengguna perlu mengisi beberapa butiran iaitu Nama, Email, Kata Laluan, Kepastian Kata Laluan. Jika pengguna salah memasuki butiran, ayat amaran akan terpapar di bawah butang Sign Up. Jadi, pengguna perlu mengisi butiran dengan format yang betul. Segala data yang pengguna masukkan akan disimpan di dalam Firebase Authentication sistem aplikasi.



Rajah 2 Antara Muka Daftar Akaun




Rajah 3 menunjukkan halaman utama aplikasi Islamic Care ini menunjukkan beberapa fungsi utama kehendak sistem ini iaitu memaparkan beberapa pilihan jenis penyakit. Daripada pilihan tersebut, sistem memaparkan ayat-ayat Al-quran dan makanan penawar berdasarkan jenis penyakit yang dipilih oleh pengguna. Beberapa butang juga disediakan bagi menambahbaik fungsi iaitu butang audio ayat-ayat Al-quran, butang profile dan butang rujukan. Butang audio tersebut akan AutoPlay apabila pengguna memilih jenis penyakit.



Rajah 3 Antara Muka Laman Utama

Rajah 4 menunjukkan halaman rujukan dimana pengguna boleh merujuk dokumen yang sahih berkaitan kesahihan ayat-ayat Al-quran dan makanan Sunnah sebagai penawar. Pengguna boleh membaca di halaman tersebut dan membuat penilaian bahawa sistem aplikasi ini adalah diambil dari info-info yang sahih.



Rajah 4 Permainan Mini “The Floor Is Lava”

## Pengujian Kebolegunaan

Pengujian kebolegunaan adalah proses yang melibatkan pengujian akhir yang dilakukan oleh wakil pengguna dan pihak berkepentingan untuk memastikan bahawa pengguna serius yang dibangunkan dapat menyediakan fungsi yang diperlukan sebelum dilancarkan kepada umum. Tujuan pengujian kebolegunaan adalah untuk menilai kebolegunaan sistem, mengumpul data kuantitatif, dan menilai kepuasan pengguna.

$$\text{min} = \text{jumlah nilai data} / \text{bilangan data}$$

Jadual 2 menunjukkan skor min yang diperoleh daripada setiap item pengguna awam terhadap kepuasan sistem aplikasi ini. Item 2, mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.43, manakala item 6 adalah yang terendah dengan skor min 3.00. Namun, min keseluruhan adalah 3.57, yang dianggap Sederhana kerana kurang 3.65 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 2 Skor Min Kepuasan Pengguna

No	Item	Min
1	Saya merasakan aplikasi ini mesra pengguna.	3.43
2	aplikasi ini sangat mudah difahami	4.43
3	aplikasi ini dapat membantu saya dari segi menambahbaik kesihatan saya	3.29
4	Saya berasa selesa menggunakan aplikasi ini.	3.29
5	Antaramuka aplikasi ini menarik dan mudah difahami.	4.00
6	Aplikasi ini mempunyai semua fungsi dan keupayaan yang saya jangkakan.	3.00
7	Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan sistem aplikasi ini.	3.57
	Min Keseluruhan	3.57

Berdasarkan jawapan responden dan analisis yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa kebolegunaan permainan serius ini adalah pada skala hampir positif. Kesemua skor min soalan Skala Likert yang diterima dianggap sederhana kerana kurang 3.65 dan hampir mencapai 3.65. Dapat juga disimpulkan bahawa objektif penilaian projek ini hampir tercapai.

### **Cadangan Penambahbaikan**

Untuk memastikan pembangunan aplikasi "Islamic Care" mencapai matlamatnya dan memberikan manfaat maksimum kepada pengguna, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenal pasti. Cadangan-cadangan ini merangkumi aspek reka bentuk antara muka pengguna, keselamatan data, dan pengoptimuman prestasi aplikasi. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, aplikasi dapat memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik dan memenuhi keperluan khusus pengguna dengan lebih berkesan.

Pertama, reka bentuk antara muka pengguna (UI) haruslah intuitif dan menarik. Antara muka pengguna yang baik akan meningkatkan pengalaman pengguna dan menjadikan aplikasi lebih mudah digunakan. Penggunaan elemen UI yang sesuai dengan konteks VR adalah penting untuk memastikan pengguna dapat berinteraksi dengan aplikasi dengan mudah dan selesa. Untuk mengukur kepuasan pengguna terhadap antara muka aplikasi, skala Likert boleh digunakan. Maklum balas daripada pengguna ini akan memberikan panduan yang berguna untuk membuat penambahbaikan yang diperlukan.

Kedua, keselamatan data pengguna haruslah diberi perhatian yang serius. Dalam konteks aplikasi perubatan, data peribadi pengguna adalah sangat sensitif dan perlu dilindungi dengan baik. Penggunaan teknologi enkripsi dan protokol keselamatan adalah penting untuk memastikan data pengguna tidak terdedah kepada ancaman atau penyalahgunaan. Dengan melindungi data pengguna dengan baik, aplikasi dapat membina kepercayaan pengguna dan memastikan mereka merasa selamat menggunakan aplikasi ini.

Ketiga, pengoptimuman prestasi aplikasi adalah penting untuk memastikan pengalaman pengguna yang baik. Mengurangkan masa pemuatan dan meningkatkan responsiviti aplikasi akan meningkatkan kepuasan pengguna. Pengguna akan lebih cenderung untuk menggunakan aplikasi yang berfungsi dengan lancar dan responsif. Selain itu, pengoptimuman penggunaan sumber daya seperti memori dan pemprosesan juga perlu dipertimbangkan. Dengan mengoptimumkan penggunaan sumber daya, aplikasi dapat berjalan dengan lebih efisien dan mengurangkan kemungkinan berlakunya masalah teknikal.

Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, pembangunan aplikasi "Islamic Care" dapat ditingkatkan untuk memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik dan memenuhi keperluan khusus pengguna dengan lebih berkesan. Reka bentuk antara muka pengguna yang intuitif dan menarik, keselamatan data yang kukuh, dan prestasi aplikasi yang optimum adalah kunci kepada kejayaan aplikasi ini.

### **KESIMPULAN**

Dalam usaha membangunkan aplikasi "Islamic Care," telah dikenal pasti beberapa kekangan dan cadangan penambahbaikan yang perlu diberi perhatian serius. Kekangan utama yang dihadapi termasuk ketersediaan sumber daya, kesukaran teknikal, dan keperluan kepentingan khusus. Kekangan-kekangan ini memerlukan perancangan yang teliti, pengurusan sumber daya yang berkesan, dan kerjasama erat dengan pakar dalam bidang Islam dan perubatan untuk memastikan aplikasi dapat memenuhi keperluan pengguna dengan berkesan.

Cadangan penambahbaikan yang dicadangkan merangkumi aspek reka bentuk antara muka pengguna, keselamatan data, dan pengoptimuman prestasi aplikasi. Reka bentuk antara muka pengguna yang intuitif dan menarik akan meningkatkan pengalaman pengguna, manakala keselamatan data yang kukuh akan membina kepercayaan pengguna terhadap aplikasi ini.

Pengoptimuman prestasi aplikasi pula memastikan aplikasi berfungsi dengan lancar dan responsif, memberikan pengalaman pengguna yang terbaik.

Secara keseluruhan, kejayaan pembangunan aplikasi "Islamic Care" bergantung kepada kemampuan untuk mengatasi kekangan yang dihadapi dan melaksanakan cadangan penambahbaikan dengan berkesan. Dengan komitmen terhadap kualiti, keselamatan, dan pengalaman pengguna, aplikasi ini berpotensi untuk memberikan manfaat yang besar kepada pengguna, memenuhi keperluan mereka dari perspektif Islam dan perubatan. Usaha ini diharapkan dapat membawa impak positif dan menjadi alat yang berguna dalam membantu masyarakat.

### **Kekuatan Sistem**

Kekuatan aplikasi pengurusan perubatan dari perspektif Islam ini ialah ia membolehkan pengguna untuk meneruskan akses kepada maklumat ayat-ayat Al-Quran sebagai penawar di platform VR. Ini bermakna, jika pengguna memadam aplikasi ini dari VR dan memuat turun semula, mereka boleh menyambung semula kepada data dan rekod mereka selagi mereka ingat emel dan kata laluan akaun mereka. Dari segi pembangunan, projek ini mempunyai kekuatan dengan menyediakan perkakasan yang menarik, termasuk alat dan teknologi yang diperlukan untuk memastikan pengujian berjalan lancar.

### **Kelemahan Sistem**

Salah satu kekangan utama dalam pembangunan aplikasi "Islamic Care" ialah ketersediaan sumber daya. Masa, tenaga, dan anggaran adalah faktor utama yang mempengaruhi pembangunan aplikasi ini. Kekangan dalam sumber daya ini boleh menyebabkan kelewatan atau pengurangan kualiti dalam penghasilan aplikasi. Pengembangan aplikasi VR, khususnya, memerlukan pelaburan masa yang signifikan untuk menghasilkan pengalaman yang berkualiti tinggi. Oleh itu, perancangan

yang teliti dan pengurusan sumber daya yang efektif adalah amat penting untuk mengatasi kekangan ini.

Selain itu, kesukaran teknikal juga merupakan satu lagi cabaran besar yang perlu diatasi. Penggunaan teknologi VR memerlukan pemahaman mendalam tentang konsep 3D, interaksi dalam dunia maya, dan integrasi dengan sistem sedia ada. Cabaran teknikal ini termasuk pengaturcaraan, pengujian, dan penyelenggaraan infrastruktur VR. Tanpa kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi dalam bidang ini, pembangunan aplikasi boleh menjadi sukar dan memakan masa yang panjang. Justeru, adalah penting untuk memiliki pasukan teknikal yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam teknologi VR.

Seterusnya, aplikasi "Islamic Care" memerlukan pemahaman mendalam tentang keperluan pengguna dari perspektif Islam dan perubatan. Kepentingan khusus ini memerlukan kerjasama erat dengan pakar dalam bidang Islam dan perubatan untuk memastikan aplikasi memenuhi keperluan khusus ini. Tanpa kerjasama yang erat dengan pakar-pakar ini, aplikasi mungkin tidak dapat memberikan manfaat yang diharapkan kepada pengguna. Oleh itu, adalah penting untuk melibatkan pakar dalam proses pembangunan aplikasi bagi memastikan keperluan khusus pengguna dipenuhi dengan baik.

Dengan mengatasi kekangan-kekangan ini, pembangunan aplikasi "Islamic Care" dapat ditingkatkan untuk memberikan manfaat maksimum kepada pengguna. Pengurusan sumber daya yang efektif, penguasaan teknikal yang mendalam, dan kerjasama erat dengan pakar adalah kunci kepada kejayaan pembangunan aplikasi ini

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Esa Lagi Maha Penyayang, dengan izinNya saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana telah memberi sepenuh kekuatan dan semangat kepada saya untuk menyelesaikan kajian ilmiah saya serta menyiapkan penulisan tesis yang bertajuk “Islamic Care” Aplikasi Pengurusan Perubatan Dari Perspektif Islam Secara Realiti Maya.

Penulis kajian ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Fadhilah Rosdi, penyelia yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang berharga dalam menyiapkan projek ini dengan jayanya. Penulis juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang diterima sangat dihargai, kerana tanpa sokongan mereka, projek ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga Tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik kepada mereka.

Tidak lupa juga kepada keluarga tercinta dan kawan-kawan di sekeliling kerana telah memberi semangat dikala saya berada dalam keadaan susah dan tertekan apabila melakukan tugas ini. Harapan keluarga terutama ibu dan bapa menjadi pembakar semangat dan penguat dalam diri ini. Segala jasa mereka amat saya dihargai. Di pengakhiran kata, ucapan ribuan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan laporan usulan ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan petunjuk dan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang dan mencapai objektif pembangunan aplikasi ini.



## RUJUKAN

(Dan Sunnah Oleh, Adini Shafie Wek & Sains Komputer Dan 1999; Islamiah, Menjadi Thobib dan Muallij & Muallij Islamiah n.d.; Mudah Alih Sistem Maklumat Geografi Bagi Penjagaan Kesihatan Orang Kurang Upaya et al. n.d.; *PEMBANGUNAN APLIKASI BUKU CERITA INTERAKTIF BERCIRIKAN ISLAM UNTUK PLATFORM iOS (iKIDS STORIES) NOOR WIDAYU BINTI AYOP UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA* n.d.; “PRO\_RONIZAM ISMAIL M 15” n.d.)

Salleh, D. N. H. M. (2021, August 18). *Kembalilah Kepada al-Quran*. Harian Metro. Retrieved February 9, 2023, from <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/08/744162/kembalilah-kepada-al-quran>

Halim, I. A. (2021, October 14). *Al-Quran penawar Dan Rahmat Bagi Mukmin*. HarakahDaily. Retrieved February 9, 2023, from <https://harakahdaily.net/index.php/2021/10/14/al-quran-penawar-dan-rahmat-bagi-mukmin/>

*Thibbun Nabawi Perubatan Wahyu Nabi*. (n.d.). Retrieved February 9, 2023, from <https://rofistera.files.wordpress.com/2013/03/thibbun-nabawi-pengobatan-nabi-gratis.pdf>

Adhar, Z. (2021, March 19). *Muhasabah: Statistik kehidupan umat islam Malaysia*. HarakahDaily. Retrieved February 9, 2023, from <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/19/muhasabah-statistik-kehidupan-umat-islam-malaysia/>

(“PRO\_RONIZAM ISMAIL M 15” n.d.)

(Mudah Alih Sistem Maklumat Geografi Bagi Penjagaan Kesihatan Orang Kurang Upaya et al. n.d.)

(Islamiyah, Menjadi Thobib dan Muallij & Muallij Islamiyah n.d.)

Yusoff, A. N. M., Aziz, M. H. A., & Magiman, M. M. (2022). Kajian Tematik Buah-buahan dalam Al-Quran dan Penggunaannya untuk Rawatan Perubatan Islam. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3(Special1), 10–16. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.2.2022>

*View of PERUBATAN NABI: KEFAHAMAN TERHADAP SUNNAH DAN PRAKTIS PERAWAT.* (n.d.). <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/89/75>

Copyright@FTSM  
UKM